

Koma didera bapa, ibu tiri

Gadis 17 tahun dicekik, dipukul hingga tak sedar diri

H.M 27/06/08 MIS 51

ABHA (Arab Saudi): Seorang gadis dari Khamis Mushayt dikejarkan ke unit rawatan rapi hospital semalam, selepas koma tiga hari dipercayai didera bapanya.

Hasil maklumat diberikan kakitangan hospital itu, polis dan pegawai Kementerian Hal Ehwal Sosial mula menyiasat kes berkenaan.

Ketika ini, gadis tersebut dilaporkan sedar dari koma dan keadaannya stabil.

Sumber hospital berkata, gadis berusia 17 tahun itu koma pada Sabtu lalu.

Ketika ditemui, mangsa di-

temani ibunya dan dia dilaporkan diserang penyakit sawan kesan penderaan bapanya.

Pasangan suami isteri itu berpisah 10 tahun lalu dan terkejut apabila diberitahu mengenai penderaan dialami mangsa.

Ketika ditemu bual, mangsa berulang kali menyatakan dia tidak menyayangi bapanya.

"Satu hari saya pulang dari sekolah dan berada di dapur apabila ayah datang dan terus memukul saya.

"Dia juga cuba mencekik saya menggunakan tangan

dan tali," katanya.

Tidak cukup dengan itu, mangsa diikat pada tingkap selama 15 minit sehingga ibu tirinya datang melepaskannya.

Beberapa ketika kemudian, lelaki berkenaan sekali lagi mendera mangsa dengan memukulnya sehingga gadis itu tidak sedarkan diri.

"Apabila terjaga, saya mendapati berada di hospital," katanya.

Menurut mangsa, kejadian itu bukanlah yang pertama kali berlaku, malah dia turut pernah diseksa secara fizikal oleh ibu tirinya. - Agensi